

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 March 2016

um-1/3/2016

Sudah hilang pertimbangan

KUALA LUMPUR 29 Feb. - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO menunjukkan seolah-olah beliau sudah hilang pertimbangan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, tindakan Dr. Mahathir itu bukan sahaja tidak mengejutkan malah dianggap tidak relevan.

Menurut beliau, Dr. Mahathir sebenarnya sudah lama menikam UMNO dari belakang.

"Tindakan mengganggu kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah sama seperti mensabotaj UMNO untuk kalah pada Pilihan Raya Umum Ke-14.



MOHD. PUAD ZARKASHI

"Lebih baik beliau berjuang dari luar untuk menyerang Najib setelah gagal hampir setahun untuk menumbangkan Perdana Menteri dari dalam," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mohd. Puad menambah, situasi serupa pernah berlaku ketika Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO apabila beberapa bekas pemimpinnya keluar parti.

Beliau memberitahu, perkara tersebut menunjukkan tindakan Dr. Mahathir itu bukan gejala baharu dan UMNO pasti mampu menanganinya.

"Saya yakin tidak ramai yang ikut jejak Dr. Mahathir seperti ketika beliau keluar UMNO pada zaman kepemimpinan Tun Abdullah Badawi dahulu," jelasnya.

Mohd. Puad juga percaya UMNO akan bertambah matang dan bersatu apabila tiada lagi 'duri dalam daging' selepas Dr. Mahathir meninggalkan parti.

Tindakan mengganggu kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah sama seperti mensabotaj UMNO untuk kalah pada Pilihan Raya Umum Ke-14.

MOHD. PUAD ZARKASHI
Ahli Majlis Tertinggi UMNO